

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan

1. Kesultanan Melayu Melaka muncul sebagai sebuah kerajaan yang gemilang kerana dilengkapi dengan ciri negara bangsa dan sistem perundangan yang tersusun.

Sumber: *malaysia.gov.my*

- (a) Nyatakan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

[2 markah]

- (b) Jelaskan kandungan undang-undang berikut:

- (i) Hukum Kanun Melaka

[2 markah]

(ii) Undang-undang Laut Melaka

[2 markah]

(c) Teliti pernyataan berikut.

Kedudukan semua warganegara sama di sisi undang-undang

Sumber: www.astroawani.com, 4 Julai 2020

Beri pandangan anda.

[4 markah]

2. Gambar berikut menunjukkan suasana semasa pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 di Tanah Melayu.



- (a) Nyatakan dua syarat untuk menjadi pengundi dalam pilihan raya tersebut.

[2 markah]

(b) Jelaskan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

[4 markah]

(c) Petikan berikut berkaitan dengan sikap segelintir rakyat yang kurang peka tentang kepentingan sistem demokrasi di Malaysia.

Seramai 4.2 juta penduduk di negara ini yang berusia 21 tahun ke atas dan layak mengundi masih belum mendaftar sebagai pemilih.

Sumber: *Akhbar Sinar Harian*, 9 September 2020

Cadangkan Langkah bagi menangani masalah tersebut.

[4 markah]

SULIT

PERCUBAAN YIK SEJARAH K2 T5

[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

3. Kedaulatan merupakan aspek penting kepada sesebuah negara.

(a) Jelaskan maksud kedaulatan.

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri negara yang berdaulat.

[4 markah]

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK SEJARAH K2



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

(c) Teliti pernyataan berikut

Mana-mana negara mampu membebaskan diri daripada penjajahan atau mempertahankan kemerdekaannya jika negara tersebut kuat memelihara identiti dan jati dirinya.

Sumber: <https://lisma.org.my>

Ulasakan pernyataan tersebut.

[4 markah]

4. Maklumat berikut merujuk kepada peristiwa 13 Mei 1969.

Peristiwa berdarah rusuhan kaum paling dahsyat di negara ini pada 13 Mei 1969 perlu menjadi pengajaran betapa pentingnya masyarakat berbilang kaum di negara ini untuk terus bersatu padu dan hidup dalam harmoni.

Sumber: www.sinarharian.com

- (a) Mengapakah peristiwa tersebut berlaku?

[2 markah]

- (b) Jelaskan usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk mengatasi peristiwa 13 Mei 1969.

[4 markah]

(c) Teliti poster berikut



Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

[4 markah]

SULIT

PERCUBAAN YIK SEJARAH K2 T5

[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

Bahagian B

(60 markah)

Jawab Tiga Soalan

5. Peluasan kuasa Jepun di negara kita bermula 8 Disember 1941 sehingga 12 September 1945.

(a) Mengapakah negara kita menjadi sasaran tentera Jepun? [4 markah]

(b) Jelaskan dasar pendudukan Jepun dalam aspek berikut:

(i) Pentadbiran [4 markah]

(ii) Sosial [4 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan kekejaman tentera Jepun di negara kita.


- Membunuh golongan antipentadbiran
- Menangkap sesiapa sahaja yang melakukan penentangan
- Menyiksa penduduk

Bagaimanakah masyarakat tempatan menghadapi situasi tersebut?

Gunakan pengetahuan sejarah anda.

[8 markah]

6. Gambar berikut menunjukkan peristiwa pergisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.



- (a) Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan takrifan kemerdekaan. [4 markah]
- (b) Terangkan persediaan untuk menyambut pemsyihuran kemerdekaan di Tanah Melayu. [8 markah]
- (c) Bagaimanakah semangat jati diri rakyat Malaysia dapat membina negara bangsa yang utuh? [8 markah]

SULIT

PERCUBAAN YIK SEJARAH K2 T5

[LIHAT HALAMAN SEBELAH]



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

7. Institusi Yang di-Pertuan Agong merupakan sebahagian daripada sistem Raja Berperlembagaan yang diamalkan di Malaysia.

(a) Jelaskan mengenai institusi Yang di-Pertuan Agong. [4 markah]

(b) Terangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong berdasarkan Perlembagaan Persekutuan. [8 markah]

(c) Baca pernyataan berikut.

Dalam politik Malaysia yang semakin kompleks, peranan institusi Yang di-Pertuan agong dan Majlis Raja-Raja semakin relevan dan signifikan.

Sumber: *Berita Harian*, 15 jun 2020

Berdasarkan maklumat berikut, mengapakah institusi ini perlu dipertahankan?

[8 markah]

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK SEJARAH K2



8. Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB) merupakan rancangan pembangunan ekonomi dan perpaduan negara yang diperkenalkan pada tahun 1970.

(a) (i) Nyatakan latar belakang pembentukan DEB. [2 markah]

(ii) Apakah strategi DEB? [2 markah]

(b) Huraikan langkah pelaksanaan DEB bagi memajukan ekonomi negara.

[8 markah]

(c) Sistem pendidikan yang berteraskan kemahiran dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat di negara kita.

Jelaskan.

[8 markah]

9. Kebijaksanaan Malaysia dalam menangani pelbagai isu global telah meningkatkan imej negara di persada dunia.

(a) Jelaskan isu global kontemporari yang dihadapi oleh Malaysia. [6 markah]

(b) Huraikan usaha yang dilakukan oleh rakyat Malaysia dalam menjayakan misi kemanusiaan berikut.

- Palestin
- Tsunami di Aceh dan Sri Lanka

[6 markah]

(c) Pendemik COVID-19 ialah wabak penyakit berjangkit yang melanda dunia pada masa kini. Bagaimanakah rakyat Malaysia dapat membantu kerajaan dalam memutuskan rantai wabak tersebut? [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

